

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. adakah Kerajaan bercadang membentangkan laporan kewangan prestasi 1MDB dalam Parlimen; dan
- b. berapakah yuran yang dibayar kepada "fund manager" yang mengurus dana 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

a) Sehingga ke hari ini, 1MDB tidak pernah gagal dalam memfailkan laporan tahunan syarikat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada setiap tahun. Segala maklumat yang diperlukan oleh umum boleh diperolehi dari SSM.

1MDB adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 tidak seperti Badan Berkanun di mana akta penubuhannya memerlukan pembentangan laporan kewangannya dalam Parlimen. Pematuhan Akta tersebut, yang digubal oleh Dewan yang Mulia ini, adalah satu kewajiban bagi 1MDB. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah badan yang bertanggungjawab di dalam memastikan setiap syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut mematuhi. SSM akan mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat yang tidak mematuhi undang-undang seperti yang termaktub di bawah Akta tersebut. Samalah seperti Jabatan Pendaftaran Persatuan atau ROS yang akan mengambil tindakan terhadap mana-mana persatuan atau parti-parti politik yang tidak mematuhi undang-undang yang termaktub.

b) 1MDB telah melaburkan hasil pulangan ini bersama pengurus dana

berlesen antarabangsa. Transaksi ini adalah transaksi persendirian. Institusi kewangan tempatan dan luar negara menganggap fee yang dikenakan adalah satu rahsia perdagangan dan hanya dapat didedahkan kepada pihak ketiga dengan kebenaran.